

Aliran Akidah Umat Islam Terhadap Sifat *Khabariyyah*

The Sect of Belief among Muslims on the Attribute of Khabariyyah

Nasron Yaacob¹

¹ Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com

ABSTRAK

Sifat *khabariyyah* ialah sifat Allah SWT yang hanya dikhabarakan dalam al-Quran dan hadis-hadis sahih sahaja, dan tidak semestinya diterima oleh perkiraan akal. Justeru itu, umat Islam daripada pelbagai aliran akidah telah berselisih pendapat dalam memahami sifat *khabariyyah* ini. Malah perselisihan pendapat juga berlaku dalam kalangan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah, disebabkan metode yang berlainan dalam memahami nas al-Quran dan al-Hadis. Artikel ini mengetengahkan pendapat sederhana yang mengutamakan kesatuan umat Islam, walaupun sebahagian golongan yang lain masih percaya pada tiadanya titik persamaan dan kesatuan di antara aliran-aliran Ahli Sunnah yang berbeza metode tersebut. Objektif kajian adalah memperkenalkan secara ringkas tentang aliran yang *bid'ah*, khususnya di antara *mushabbiyah* dan aliran yang sahih iaitu Ahli Sunnah wal Jamaah berkenaan isu sifat *khabariyyah*, mengenal pasti perbezaan sesama aliran dan cadangan perdamaian di antara kalangan aliran di dalam Ahli Sunnah wal Jamaah. Kajian ini menggunakan metode kualitatif secara kepustakaan dengan mengumpulkan data-data dokumentasi daripada kitab-kitab akidah, artikel jurnal, tesis dan sebagainya. Dapatkan kajian ini mencatatkan bahawa aliran *bid'ah* dalam isu sifat *khabariyyah* sememangnya adalah daripada aliran *mushabbiyah* dan *mu'attilah*. Manakala aliran sahih iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah daripada *Salafiyah*, *Asha'irah* dan *Maturidiyyah* memahaminya menurut ajaran berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kupasan artikel ini diharap dapat memberikan sumbangan kesedaran terhadap usaha meminimumkan perselisihan pendapat antara aliran-aliran akidah yang sahih dalam kalangan umat Islam hari ini.

Kata Kunci: Aliran; Akidah; Umat Islam; *Khabariyyah*

ABSTRACT

The *khabariyyah* nature of Allah SWT is an attribute that is confirmed in al-Quran and sahih (authentic) hadith only and is not necessarily accepted by the logic of reason. Muslims have differed in understanding the nature of this *khabariyyah*, including among the Ahli Sunnah wal Jamaah sect due to differences in belief methods. This article highlights a simple opinion that prioritizes the unity of Muslims,

although some other groups reject the existence of common points between the Sunnah sects with different methods. The objective of this study is to introduce the methods in the Ahli Sunnah wal Jamaah regarding the nature of *khabariyyah* and its difference from the *mushabbiyah* trend, to identify the differences in methods in the Ahli Sunnah wal Jamaah, and to propose unity between these methods. This study uses a qualitative literature method by collecting data from religious books, journal articles, theses and so on. The findings of this study record that the Ahli Sunnah wal Jamaah stream from *Salafiyyah*, *Asha'irah* and *Maturidiyyah* indeed understand the nature of *khabariyyah* according to al-Quran and al-Sunnah, but with their respective belief methods which are different from the *mushabbiyah* stream. The difference in the method of the Ahli Sunnah movement has caused the denial of the membership of the opposing movement as Ahli Sunnah wal Jamaah. The excerpt of this article is hoped to contribute awareness to the efforts to minimize disagreements between authentic faiths among Muslims today.

Keywords: Streams; Creeds; Muslims; Khabariyyah

1. Pendahuluan

Allah SWT memiliki sifat-sifat sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Quran dan hadis-hadis sahih. Sifat-sifat ini kemudiannya dikategorikan oleh para ulama kepada beberapa kategori. Contohnya al-Bayhaqi membahagikan sifat Allah kepada *dhatiyyah* dan *fi 'liyyah*, dan setiap sifat itu dipecahkan kepada *khabariyyah* dan *'aqliyyah* (al-Bayhaqi, 2004). Manakala *Asha'irah* dan *Maturidiyyah* membahagikan sifat Allah kepada *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma'anī* dan *ma'nawiyyah* (al-Sawiy, 1999). Sifat *khabariyyah* merupakan salah satu jenis daripada kategori sifat-sifat Allah SWT. Sifat ini *sabit* dan disebutkan secara jelas oleh al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Ia juga disebut sebagai ayat sifat dan diklasifikasikan sebagai ayat *mutasyabihat*, iaitu yang tidak jelas makna zahirnya (Abdullah, M., & Zainol, A. N., 2011).

Nas al-Quran dan hadis ada menyebutkan contoh sifat *khabariyyah* seperti *istiwa'* (bersemayam), *wajh* (wajah), *yad* (tangan), *'ayn* (mata) dan lain-lain lagi (Wahab, M. R., & Omar, S. H. S., 2014). Sifat ini tidak boleh diserupakan dengan makhluk berdasarkan penafian al-Quran terhadap Allah dari diserupai oleh sesuatu. Kerana itu sifat yang disebut sebagai *khabariyyah* ini hanya *sabit* dan diakui menurut yang dikhabarkan dan dinyatakan oleh al-Quran dan hadis sahih, walaupun tidak relevan menurut akal. Terdapat pelbagai aliran umat Islam dalam memahami sifat *khabariyyah*. Aliran-aliran lain seperti *Karramiyyah*, *Hululiyyah* dan *Saba'iyyah* adalah aliran akidah yang berbeza pandangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah pada kefahaman atas sifat *khabariyyah*.

Namun yang memanjangkan perdebatan berkenaan isu ini ialah perselisihan pendapat antara kalangan umat Islam yang sama-sama beraliran

Ahli Sunnah wal Jamaah. Dari sudut keyakinan pada autoriti wahyu, semuanya berpegang dan merujuk al-Quran dan al-Sunnah. Namun perselisihan menjadi besar ketika setiap aliran tadi hanya percaya pada metode masing-masing sahaja, dan tidak boleh menerima metode lain walaupun juga bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Timbulnya perbezaan dalam kefahaman ini kerana rujukan nas sifat tersebut adalah bersifat umum. Justeru, walaupun kefahaman sifat ini dikategorikan sebagai *furu'* (cabang) akidah, tetapi sebahagian aliran akidah umat Islam menganggapnya sebagai *usul* (dasar) akidah dan *qat'iy* (berdalil putus) yang hanya perlu menuruti pemahaman yang mereka pegangi sahaja.

Maka kajian ini dilaksanakan untuk membicarakan tentang sifat *khabariyyah* Allah SWT menurut pemahaman dan metode aliran-aliran *bid'ah* dalam kalangan umat Islam, dan juga pemahaman aliran-aliran yang sahih. Aliran sahih ini wujud dalam Ahli Sunnah wal Jamaah berasaskan sumber rujukan akidah yang sama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Artikel ini juga cuba mencadangkan hubungan muafakat antara aliran-aliran ini berdasarkan dalil yang rasional dan adil. Nyatakan kepentingan dan hasil positif apabila implikasi dapatan kajian ini dicapai. Namun perlu difahami, cadangan muafakat ini tidak memaksa setiap aliran tadi membuang atau meneutralkan pendapat masing-masing. Setiap aliran boleh mempertahankan kesahihan pendapat mereka, tetapi yang menjadi tuntutan untuk muafakat di sini ialah keterbukaan minda untuk menerima bahawa pendapat yang mereka tidak setuju itu adalah pendapat sahih menurut aliran lain, berdasarkan metode yang berbeza dalam memahami nas wahyu yang berkaitan. Maka isu sifat *khabariyyah* dan aliran-alirannya sepatutnya boleh diterima secara terbuka sebagaimana isu fiqh di antara empat mazhab fiqh umat Islam yang dapat disantuni secara terbuka pada hari ini. Justeru, kesatuan umat Islam dapat direalisasikan walaupun berbeza pendapat dalam isu fiqh, termasuklah berbeza dalam isu sifat *khabariyyah* ini.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Pendekatan kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif. Data-data utama kajian dikumpulkan daripada sumber dokumentasi seperti buku-buku, artikel dan seumpamanya. Kajian ini menggunakan rujukan *turath*, di samping rujukan sekunder dalam mendapatkan data yang dipercayai. Data utama kajian ialah karya-karya ulama silam berkaitan aliran akidah umat Islam seperti *al-Farq Baynal-Firaq* oleh al-Baghdadi (1997), di samping karya akidah masa kini seperti *Fuṣūlī al-‘Aqīdah baynal-Salaf wa al-Khalaf* oleh Dr. Yusuf al-Qaradāwi (2005), dan oleh Dr. Sa‘īd Ramadānal-Būti (1982) menerusi karya *Kubra al-Yaqiniyyatal-Kawniyyah* dan lain-lain lagi.

Data-data dokumentasi dikumpul, disemak dan dinilai untuk mendapatkan kefahaman sebenar yang dipegang. Data-data daripada setiap


aliran akan dibandingkan antara satu sama lain, dan kemudiannya dianalisis untuk mendapatkan pendapat terakhir bagi setiap aliran. Pendapat akhir itu kemudiannya akan dinilai dari sudut penilaian al-Quran dan al-Sunnah untuk menghasilkan pendapat yang muktamad.

Sebagai permulaan kajian, perbincangan awal adalah berkaitan aliran-aliran akidah umat Islam yang pernah membicarakan isu sifat *khabariyyah* Allah. Ia menyentuh tentang aliran yang salah di samping aliran yang sahih iaitu aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Dalam kalangan Ahli Sunnah sendiri terdiri daripada tiga aliran utama iaitu *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Skop terakhir kajian adalah memfokuskan perbincangan mengenai tiga kaedah tersebut.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap kefahaman aliran-aliran terhadap sifat *khabariyyah*, terdapat dua kategori utama; iaitu aliran sahih dan benar, dan aliran bidaah dan menyeleweng. Rumusan dapatan kajian adalah diringkaskan sebagaimana Rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Aliran Terhadap Sifat *Khabariyyah*



(Sumber: Analisis Pengkaji, 2022)

Aliran sesat dan menyeleweng seperti di paparan grafik di atas adalah melibatkan aliran-aliran yang tidak dikategorikan sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah, yang dikenali dengan aliran *mushabbiyah*. Aliran ini memahami sifat-sifat Allah adalah serupa dengan sifat-sifat yang ada pada makhluk. Maka jelasnya aliran *mushabbiyah* ini adalah aliran *bid'ah* dan bercanggah dengan akidah Islam sebenar. Manakala aliran sahih dalam paparan di atas pula adalah dimaksudkan dengan aliran Ahli Sunah wal Jamaah. Aliran sahih itu adalah terdiri daripada generasi Salaf dan Khalaf, yang kemudiannya diteruskan oleh generasi selepas mereka dengan metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Praktikal

dengan ketiga-tiga metode inilah yang melahirkan aliran *Asha'irah*, *Maturidiyyah* dan *Salafiyyah*. Walaupun ada yang menafikan kebersamaan mereka dalam aliran Ahli Sunnah ini, namun pandangan sederhana sebahagian umat Islam masih mempercayai kelayakan ketiga-tiganya sebagai aliran Ahli Sunnah terakhir yang selari dengan al-Quran dan al-Sunnah.

4. Perbincangan

Perbincangan artikel ini akan menyentuh tentang kefahaman terhadap sifat *khabariyyah* Allah oleh aliran akidah yang menyeleweng yang wujud dalam kalangan umat Islam, di samping penjelasan mengenai kefahaman aliran dalam Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap isu ini.

4.1 Kefahaman Terhadap Sifat *Khabariyyah*

Umat Islam telah berselisih pandangan mengenai kefahaman terhadap sifat *khabariyyah* berdasarkan ayat 7 daripada surah Al ‘Imran sebagaimana perbincangan di bawah. Aliran Khalaf menuntut agar sifat ini ditakwilkan dengan takwilan yang sahih, manakala Salaf mahukan ia diserahkan kepada Allah SWT. Dalil yang dirujuk dalam perselisihan ini ialah:

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ أَمْنًا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

Terjemahan: Padahal tidak ada yang mengetahui takwilannya (tafsir maksudnya yang sebenarnya) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata: “Kami beriman kepadanya, semua itu datangnya dari sisi Tuhan kami.” (Ali ‘Imran, 3: 7).

Para ulama berselisih pendapat pada ayat (وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ أَمْنًا بِهِ), adakah ia *ma’tuf* (*‘atf*) pada kalimah Allah di ayat yang sebelum darinya; (وما) (يعلم تأويله إلا الله), atau ia *musta’naf* (*waqf*). Jika *ma’tuf*, maka ia membawa erti bahawa mereka juga mengetahui takwil ayat *mutashabih*. Namun jika *musta’naf*, maka bererti mereka hanya mengakui dan mengucapkan keimanan pada ayat tersebut (يقولون أمنا به), dan ilmu tentangnya hanya diketahui oleh Allah sahaja (al-Tabari, 2001).

Majoriti ulama telah mengambil dan berpegang dengan pendapat yang kedua. Pendapat ini telah diambil daripada riwayat IbnMas‘ud RA, Ubay bin Ka‘b RA, Ibn ‘Abbas RA dengan pendapatnya yang lebih sahih, dan ‘A’ishah RA. Ia juga menjadi pendapat bagi ramai *al-Sahabah*, *al-Tabi‘in* dan *Atba‘ al-Tabi‘in* daripada kalangan *Ahlal-Sunnah*. Manakala pendapat pertama di atas diambil daripada riwayat Mujahid, al-Dahhak, dan riwayat lain daripada Ibn ‘Abbas sendiri (al-Sayuti, 1987; al-Khattabi, 1934).

Dalam skop perbincangan di sini, manhaj *ithbat* menerima kesahihan kedua-dua bacaan di atas. Jika ayat di atas dibaca dengan ‘*ataf*, maka takwil itu bermaksud tafsir. Jika dibaca dengan *isti’naf*, maka takwil itu bererti hakikat yang dimaksudkan oleh nas wahyu, dan ia tidak diketahui kecuali oleh Allah sahaja (Ibn Taymiyyah, 2004).

Bagi manhaj *tafwid*, bacaan tepat ayat tersebut adalah dengan *isti’naf*. Justeru itulah maka takwilan terhadap ayat-ayat *mutashabihat* khususnya *nususal-sifat*, tidak mampu diketahui oleh sesiapapun kerana ia menjadi rahsia Allah semata-mata. sahaja. Maka semestinya *nususal-sifat* dibiarkan sebagaimana zahirnya tanpa takwil dan tanpa diserupakan dengan sifat makhluk (al-Khattabi, 1934). Manakala manhaj *ta’wil* yang dipelopori oleh aliran Khalaf pula berpendapat bahawa bacaan tepat pada ayat tersebut ialah ‘*atf*, iaitu golongan berilmu juga mengetahui takwil terhadap sesuatu ayat nas yang disebutkan. Kejahilan golongan berilmu terhadapnya akan mencacatkan hikmah penurunan wahyu untuk manfaat pemahaman manusia (al-Nawawi, 1997). Rujukan kedua-dua pendapat ini kepada para Sahabah RA inilah kemudiannya menjadi garis panduan kepada pemahaman terhadap sifat *khabariyyah* Allah SWT oleh Ahli Sunnah wal Jamaah.

4.2 Aliran dan Mazhab

Rasulullah SAW telah memberikan peringatan secara tidak langsung tentang pertelingkahan seperti disebut di atas, dengan mengutarakan penyelesaian dengan mengambil pendapat akidah sebenar dan betul dengan ajaran Islam, sebagaimana kenyataan hadis berikut:

عَلَيْكُمْ بِسْتَيْ وَسُتَّةِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ مِنْ بَعْدِي وَعَضُوا عَيْنَهَا بِالنَّوَاجِذِ

Terjemahan: Berpeganglah kamu dengan sunnahku dan sunnah para khalifah al-rashidin selepasku dan berpautlah kamu padanya dengan gigi geraham.

[*Sunan Abi Dawud*, no. hadis:4607, Dinilai saih oleh al-Albani]

Rasulullah SAW telah meluaskan rujukan umat Islam kepada dua generasi selepas generasinya sebagaimana sabdanya:

حَيْثُ الْقُرُونُ قَرِيبٌ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوْحُمُ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُوْحُمُ

Terjemahan: Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka, kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka.

[*Sahīh Bukhari*, no. hadith: 3650; *Sahih Muslim*, no. hadith: 2533, Dinilai *sahīh* oleh al-Albānī]

Mereka yang dimaksudkan oleh kenyataan di atas ialah generasi *al-Salaf al-Salih*, yang terdiri daripada tiga generasi terbaik umat Islam iaitu; generasi *Sahabah*, *Tabi'in* dan *Tabi' (Atba')* *Tabi'in RA*. Tiga generasi ini yang disatukan dengan satu nama iaitu *al-Salaf al-Salih*, merupakan pelopor utama aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi aliran akidah majoriti umat Islam seluruh dunia pada hari ini.

Berkenaan aliran *Ahli Sunnah Wal Jamaah* ini, Rasulullah SAW telah menerangkan tentangnya melalui hadis berikut:

وَإِنَّ بْنِ إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقَتْ عَلَىٰ ثُنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَتَقْتَرَقُ أُمَّتِي عَلَىٰ ثَلَاثَةِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً، قَالُوا: وَمَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

Terjemahan: “Dan sesungguhnya Bani Isra’il berpecah kepada tujuh puluh dua aliran, dan umatku pula berpecah kepada tujuh puluh tiga aliran, semuanya di dalam neraka kecuali satu aliran sahaja”, Para Sahabah bertanya: “Dan siapakah mereka itu wahai Rasulullah?”, Rasulullah menjawab: “Aliranku dan para sahabatku”. [Sunan Tirmidhi, no. hadith: 2641, Dinilai *hasan* oleh al-Albānī]

Hadis di atas menjelaskan bahawa hanya satu aliran sahaja yang terselamat dari seksaan api neraka iaitu yang diistilahkan oleh Nabi SAW sebagai (ما أنا عليه وأصحابي) ; iaitu “Aliranku dan para sahabatku”. Gelaran utama yang merujuk pada aliran ini ialah aliran Ahli Sunnah wal Jemaah (al-Baghdadi, 1997). Selain itu, aliran ini juga dikenali dengan nama *Ahlal-Jama‘ah*, *Ahlal-Hadith*, *Ahlal-Athar*, *al-Firqah-Najiyah*, dan *al-Ta’ifahal-Mansurah* (Johari, 2006).

4.3 Sesat Terhadap Sifat Khabariyyah

Aliran-aliran sesat yang bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya pada zaman kemunculan aliran-aliran baru akidah umat Islam ialah *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Khawarij*, *Shi‘ah*, *Mu’tazilah*, dan *Murji‘ah*. Namun aliran-aliran ini berkait dengan permasalahan akidah secara umum, yang tidak hanya memfokuskan pada isu sifat *khabariyyah*. Aliran sesat yang berbicara tentang sifat *khabariyyah* secara langsung ialah yang dikenali dengan aliran *mushabbihah* atau *mujassimah*.

Mushabbihah yang juga dikenali dengan *mujassimah* adalah fahaman yang menyamakan sifat-sifat Tuhan dengan sifat-sifat makhluk (Abdul Shukor, 1991). *Mushabbihah* (مشبهة) yang kata dasarnya (شَبَّهَ); iaitu menyerupakan, ialah faham aliran yang menyerupakan Tuhan dengan makhluk (Shawqi, 2004). *Manhaj ithbat* (*Salafiyyah*) dianggap *mushabbihah* oleh sebilangan pengikut aliran Khalaf kerana seolah-olah berfahaman

menyerupakan Allah SWT dengan makhluk. Dari sisi lain, Ahli Sunnah Wal Jemaah juga dianggap *mushabbiyah* oleh Jahmiyyah kerana mengisbatkan bagi Allah SWT sifat-sifat yang dilihat serupa dengan sifat makhluk (Ibn Taymiyyah, 2004).

Al-Baghdadi (1997) mengkategorikan aliran *mushabbiyah* kepada dua aliran, iaitu *mushabbiyah* pada zat dan *mushabbiyah* pada sifat. Semua aliran yang disenaraikan oleh al-Baghdadi bagi kategori *mushabbiyah* pada zat merupakan aliran yang terkeluar daripada golongan umat Islam walaupun mereka mendakwa sebagai sebahagian daripada umat Islam. Aliran *mushabbiyah* pada zat ini terdiri daripada:

- i. *Saba'iyyah*; menggelar Ali RA sebagai Tuhan dan menyerupakannya dengan zat Tuhan. Ketika Ali RA membakar mati sebilangan pengikut Saba'iyyah, mereka mendakwa Ali RA adalah Tuhan kerana azab bakaran api itu hanya dilakukan oleh Tuhan sahaja.
- ii. *Bayaniyyah*; pengikut Bayan bin Sam'an menganggap Tuhan adalah insan daripada cahaya yang beranggotakan bentuk insan, yang akan binasa kecuali wajahnya.
- iii. *Mughiriyyah*; pengikut Mughirah bin Sa'idal-'Ijly menganggap Tuhan mempunyai anggota yang dalam bentuk huruf hija'.
- iv. *Mansuriyyah*; pengikut Abu Mansural-'Ijly yang menyerupakan dirinya dengan Tuhan. Dia mendakwa naik ke langit dan Allah mengusap kepalanya dengan tanganNya sambil berkata: Wahai anakKu, sampaikanlah daripadaKu.
- v. *Khitabiyyah*; mendakwa ketuhanan para pemimpin mereka dan juga ketuhanan Abial-Khitabal-Asady.
- vi. *Hululiyyah*; mendakwa peresapan Allah ke dalam diri para pemimpin mereka serta menyembah para pemimpin tersebut kerana dakwaan tadi.
- vii. *Hululiyyah Hilmaniyyah*; nisbah kepada Abu Hilmanal-Dimashqy yang mendakwa tuhan meresap ke dalam setiap gambaran yang menarik, lalu menyembahnya.
- viii. *Muqanna'iyyah*; mendakwa bahawa Muqanna' adalah tuhan, yang tampil dengan gambaran tertentu pada setiap zaman.
- ix. *'Adhafirah*; mendakwa ketuhanan Ibn Abi al-'Adhafir yang telah dibunuh di Baghdad.

Manakala aliran yang masih termasuk dalam golongan umat Islam kerana terikat dengan beberapa prinsip Islam seperti kewajipan hukum Islam, solat, zakat, puasa, haji, pengharaman perkara haram dan seumpamanya, ialah:

- i. *Hishamiyyah*; nisbah kepada Hisham bin al-Hakam al-Rafidy yang menyerupakan Tuhan dengan insan. Tuhan adalah tujuh jengkal dengan

jengkalanNya, berjisim yang memiliki had dan ukuran tinggi, lebar, dalam, warna, rasa dan bau.

- ii. *Hishamiyyah*; nisbah kepada Hisham bin Salim al-Jawaliqy yang mendakwa Tuhan adalah dengan rupa insan, yang bahagian atas Tuhan adalah berongga dan bawahnya padat. Tuhan memiliki rambut yang hitam dan hati yang berhikmah.
- iii. *Yunusiyah*; nisbah kepada Yunus bin ‘Abdal-Rahman al-Qummiy yang mendakwa Allah dipikul oleh malaikat pemikul ‘arash walaupun Dia lebih gagah daripada malaikatNya.
- iv. *Dawud al-Jawaribi*; mendakwa Tuhan mempunyai semua anggota insan kecuali kemaluan dan janggut.
- v. *Ibrahimiyyah*; nisbah kepada Ibrahim bin Abi Yahya al-Aslamiy iaitu daripada kalangan perawi hadis. Namun dia sesat dalam *tashbihnya* dan dianggap dusta dalam banyak periwayatannya.
- vi. *Khabitiyah*; daripada aliran Qadariyyah iaitu nisbah kepada Ahmad bin Khabit, yang juga daripada aliran Mu‘tazilah yang dinisbahkan kepada al-Nazzam. Dia menyerupakan ‘Isa bin Maryam dengan Tuhan dan mendakwanya sebagai Tuhan kedua. ‘Isa akan menghitung amalan makhluk pada hari kiamat nanti.
- vii. *Karramiyyah*; mendakwa Tuhan memiliki jisim dan ada had dan ukuran, ditempati oleh yang baharu, dan bersentuhan dengan ‘arash.

Bagi aliran *mushabbiyah* pada sifat pula sebagaimana yang disebutkan oleh al-Baghdadiy(1997) adalah terdiri daripada aliran-aliran berikut:

- i. *Mu‘tazilah Basriyyah*; yang menyerupakan kehendak Allah dengan kehendak makhlukNya. Mereka mendakwa bahawa Allah berkehendak dengan kehendak baharu, dan kehendakNya serupa dengan kehendak manusia. Kemudian mereka menyanggah pendapat mereka sendiri tadi dengan menyatakan bahawa harus baharu bagi kehendak Allah yang tidak pada tempat, dan tidak boleh baharu kehendak manusia kecuali pada tempat.
- ii. *Karramiyyah*; sependapat dengan *Mu‘tazilah Basriyyah* bahawa kehendak Allah serupa dengan kehendak manusia, dan Allah adalah tempat bagi yang baharu. Mereka juga membezakan antara *qawl* dan kalam Allah; bahawa *qawl* Allah ialah daripada jenis suara dan huruf hamba, sedang kalam Allah ialah kuasaNya untuk mengadakan *qawl* tadi yang juga bersifat baharu.
- iii. Golongan (*Mu‘tazilah*) yang menyerupakan kalam Allah dengan kalam makhlukNya. Kalam Allah ada suara dan huruf daripada jenis suara dan huruf hamba, maka kalam Allah adalah baharu. Majoriti mereka kecuali golongan al-Jubba’iy menolak kekalnya kalam Allah. *Mu‘tazilah* hal-Nazzam pula menafikan ciri *i‘jaz* dalam susunan kalam Allah, seperti

mana pada kalam hamba. Majoriti Mu'tazilah berpendapat bahawa bangsa Sudan, Turki dan Khazar (Yahudi) mampu membawakan susunan al-Quran dan yang lebih dari itu lagi.

- iv. *Zurariyyah*; pengikut Zurarah bin A'yunal-Rafidiy yang menyatakan bahawa semua sifat Allah adalah baharu, dan ia serupa dengan jenis sifat manusia. Keadaan sifat Allah adalah tidak azali kerana ia muncul selepas Allah mengadakannya. Jadi keadaan Allah hidup, mengetahui, berkuasa, berkehendak, mendengar dan melihat hanya akan ada (yang bersifat baharu) selepas menciptakan bagiNya sendiri kehidupan, kekuasaan, ilmu dan seumpamanya.
- v. *Rawafid*; yang menyatakan bahawa Allah tidak mengetahui sesuatu sehingga ia berlaku dahulu, seperti seseorang yang mengetahui sesuatu adalah selepas berlaku perkara tersebut.

Ibn Taymiyyah (2004) juga mempunyai pandangan terhadap fahaman ini, telah mengkategorikan golongan yang mengisbatkan nas sifat Allah SWT sebagaimana zahirnya kepada dua golongan:

- i. Golongan yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Mereka inilah yang dikenali dengan golongan *mushabbiyah* dan aliran mereka adalah batil. Golongan ini juga merupakan golongan yang disenaraikan oleh al-Baghdadi sebagaimana keterangan di atas.
- ii. Golongan yang mengisbatkan sifat zahir nas itu yang selayaknya dengan keagungan Allah SWT tanpa menjisimkanNya. Sifat ilmu, kudrat, kalam, kehendak, rahmat, reda, marah dan seumpamanya yang ada pada makhluk disebut '*arad* (sifat). Manakala wajah, tangan, mata dan seumpamanya yang pada makhluk disebut jisim. Maka jika '*arad* atau sifat tadi harus ada pada Allah tanpa perlu dinamakan '*arad* yang layak dengan keagunganNya, maka demikianlah juga sifat *wajh*, *yad* dan '*ayn* yang tidak perlu disebut jisim tetapi harus ada pada Allah mengikut yang selayak dengan keagunganNya. Jika zat Allah adalah sabit dan hakiki tanpa ada keserupaan dengan zat makhluk, maka demikian juga sifatNya adalah sabit dan hakiki tanpa ada keserupaan dengan sifat makhluk. Manhaj inilah yang menjadi manhaj akidah bagi golongan Salaf.

4.4 Realiti Fahaman Salafiyyah Sebagai Aliran *Mushabbiyah*

Aliran *Salafiyyah* juga dianggap sebagai aliran *mushabbiyah* yang menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat makhluk. Tanggapan ini kerana *Salafiyyah* berpegang dengan metode *ithbat*. Antara pelopor utama kemunculan aliran *Salafiyyah* ialah Ibn Taymiyyah. Sebilangan pihak daripada aliran Khalaf yang membaca karya Ibn Taymiyyah seperti Majmu' Fatawa,

berpandangan bahawa *Salafiyahnya* adalah pembawa kepada aliran *mushabbiyah* yang ditolak oleh Ahli Sunnah wal Jamaah, walaupun dinafikan oleh sebilangan yang lain.

Metode Ibn Taymiyyah terhadap sifat *khabariyyah* ialah *ithbat* iaitu mensabitkan sifat kepada Allah dengan sifat yang disifatkan oleh Allah sendiri dan oleh rasul-Nya melalui hadis-hadis sahih. Tokoh *Asha 'irah* masa kini iaitu Dr. Sa'id Ramadan al-Buti (1982) juga mengesahkan manhaj akidah Salaf sebagaimana berikut:

ولكنك عندما تنزه الله حيال جميع هذه الآيات عن مشاهدة مخلوقه في أن يتحيز في مكان و تكون له أبعاد وأعضاء و صورة و شكل، ثم أثبتت لله ما أثبتته هو لذاته على نحو يليق بكماله، وذلك لأن تكل تفصيل المقصود بكل من هذه النصوص إلى الله جل جلاله سلّمت بذلك من التناقض في الفهم و سلّمت القرآن من توهّم أي تناقض فيه. وهذه هي طريقة السلف رحمة الله.

Terjemahan: Tetapi ketika anda menyucikan Allah terhadap semua ayat (al-sifat) ini daripada keserupaan dengan makhlukNya pada mengisi tempat, ada jarak, anggota, rupa dan bentuk, kemudian mengisbatkan bagi Allah apa yang Dia isbatkan bagi zatNya menurut yang sesuai dengan kesempurnaanNya, dan yang demikian itu dengan anda menyerahkan semua perincian maksud nas-nas ini kepada Allah, maka anda selamat daripada percanggahan dalam pemahaman, dan anda menyelamatkan al-Quran daripada keraguan iaitu percanggahan di dalamnya. Dan ini adalah jalan (manhaj) al-Salaf.

Al-Buti juga menafikan tuduhan *tajsim* (menjisimkan Allah) terhadap Ibn Taymiyyah dan melihatnya sebagai usaha meniupkan api perbalahan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam (Aizam, 2015). Dr. Yusuf al-Qaradawi (2005) pula berpandangan bahawa generasi Salaf sendiri ada yang berpegang dengan manhaj *tafwid* sebagai majoriti, di samping manhaj *ta'wil* dan *ithbat* yang turut dipegangi oleh segelintir yang lain berdasarkan pemahaman berbeza terhadap nas. Pandangan kedua-dua tokoh masa kini di atas menjelaskan bahawa manhaj *ithbat* dan *tafwid* yang disandarkan kepada Salaf adalah bukan aliran *mushabbiyah* dan *mujassimah* walaupun sepintas lalu dilihat hampir seiras. Perbezaan di antara *ithbat* dan *tafwid* ialah pada huraihan metode akidah *khabariyyah* Salaf yang tidak perlu lagi ditafsirkan selepas memahami makna zahirnya menurut *Asha 'irah*, atau boleh ditafsirkan maknanya tetapi tidak boleh mentafsirkan kaifiatnya sebagaimana menurut Ibn Taymiyyah dan *Salafiyah* (Muhammad Rabi', 2004).

4.5 Aliran Akidah Sahih

Nabi Muhammad SAW menjelaskan melalui hadis sahih mengenai satu golongan sahaja yang sentiasa konsisten dengan ajaran Islam sebenar iaitu Ahli Sunnah wal Jamaah. Berdasarkan penilaian terhadap pemahaman dan pengamalan Islam, hanya dua golongan sahaja yang boleh dikategorikan sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu Salaf dan Khalaf (al-Buti, 1988; al-Qaradawi, 2005). Dalam isu sifat *khabariyyah*, pendokong bagi Salaf dan Khalaf berpegang pada metode *ithbat*, *ta'wil* dan *tafwid*. Manhaj atau metode *ithbat* dan *tafwid* adalah mewakili aliran Salaf, manakala manhaj *ta'wil* pula mewakili aliran Khalaf. Dalam aliran Salaf pula, wujud pertikaian seterusnya tentang manhaj akidah sebenar Salaf iaitu sama ada *ithbat* atau *tafwid*.

Aliran yang bermanhaj *ithbat* pada hari ini dikenali sebagai aliran *Salafiyyah*. Manhaj akidah mereka ialah mengisbatkan sifat *khabariyyah* Allah SWT dengan makna zahir sebagaimana yang dinyatakan oleh nas wahyu. Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa manhaj *ithbat* inilah yang menjadi manhaj akidah Salaf. Manhaj *tafwid* pula mengisbatkan makna zahir nas dan menyerahkan maknanya yang sebenar kepada Allah SWT. Aliran ini menjadi pegangan akidah tokoh-tokoh ulama Asha'irah khususnya yang ingin kembali kepada manhaj akidah Salaf yang sebenar iaitu manhaj *tafwid* sebagaimana yang mereka fahami. Manhaj *ta'wil* pula menjadi landasan akidah bagi aliran Asha'irah yang mewakili Khalaf. Manhaj *ta'wil* melihat bahawa sifat *khabariyyah* Allah SWT perlu difahami dengan makna *majaz* dan bukannya makna zahir atau hakikinya (al-Buti, 1988; al-Qaradawi, 2005).

Kepelbagaiannya aliran akidah dalam Ahli al-Sunnah dapat disusun secara ringkasnya sebagaimana berikut:

i. Salaf

Salaf adalah merujuk kepada tiga generasi terawal umat Islam iaitu Sahabah, Tabi'in dan Atba' Tabi'in, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Konsep utama manhaj Salaf dalam topik sifat *khabariyyah* selain *ithbat* ialah *tawqifiyyah*, iaitu berhenti di atas keterangan nas wahyu, yang berbeza dengan konsep Khalaf yang mentakwilkan nas tersebut dengan takwilan *majaz* (makna tersirat), dan yang tidak bertentangan dengan landasan syarak. Dari sudut masa atau zaman, era Salaf sudah berakhir dengan berakhirnya zaman *Sahabah*, *Tabi'in* dan *Atba' Tabi'in*. Manakala manhaj Salaf dari konsep *manhaji* (sebagai satu manhaj) telah dan boleh dipegangi dan diamalkan sehingga ke hari ini (al-Buti, 1988; al-Qaradawi, 2005).

ii. *Salafiyyah*

Perkataan Salafiyyah adalah dinisbahkan pada istilah Salaf. Oleh itu Salafiyyah ialah golongan umat Islam yang mendakwa mengikuti manhaj akidah Salaf yang sebenar. Aliran *Salafiyyah* mendakwa bahawa manhaj akidah mereka iaitu manhaj *ithbat*, adalah manhaj akidah sebenar generasi Salaf. Tokoh rujukan utama aliran Salafiyyah ini ialah Ibn Taymiyyah (m. 728H), selain ikon pertama mereka iaitu Imam Ahmad bin Hanbal. Perbezaan *Salafiyyah* dengan Khalaf ialah pada manhaj akidah, walaupun dua aliran ini berada dalam zaman yang sama iaitu selepas berlalunya zaman *Sahabah RA, Tabi'in* dan *Tabi' Tabi'in* ('Abbasî, t.t).

iii. Ahli *Tafwid*

Istilah *tafwid* dalam konteks ilmu akidah Islam ialah menyerahkan makna nas sifat *khabariyyah* kepada Allah SWT tanpa perlu dihuraikan oleh akal. Realitinya aliran Ahli *Tafwid* sendiri sebenarnya berasal daripada tokoh-tokoh utama dalam aliran Asha'irah. Pada asalnya mereka adalah para pemuka manhaj *ta'wil* dalam aliran Asha'irah. Namun pada penghujung usia, mereka bertindak meninggalkan manhaj *ta'wil* dan mengishtiharkan hasrat untuk kembali pada manhaj akidah Salaf. Manhaj akidah yang dipegangi oleh mereka inilah yang disebut-sebut sebagai manhaj *tafwid*.

Walau bagaimanapun konsep sebenar manhaj *tafwid* sehingga ke hari ini masih lagi tidak jelas dan diperselisihkan, termasuklah dalam kalangan Asha'irah sendiri. Titik kekeliruan ini bermula pada pentakrifan manhaj *tafwid*, apabila aliran Asha'irah telah memberikan dua takrif berkenaan. Takrif pertama diutarakan oleh generasi sulung Asha'irah yang mana kemunculan mereka adalah di antara tahun 300H hingga 500H. Inilah tempoh masa yang menyaksikan tokoh-tokoh utama Asha'irah mahu kembali kepada manhaj Salaf. Contohnya takrif oleh al-Juwayniy (1992):

وذهب أئمة السلف إلى الانكماش عن التأويل، وإجراء الظواهر على مواردها وتغويض معانيها إلى الرب تعالى . والذى نرتضيه رأيا وندين الله به عقلا : اتباع سلف الأمة.

Terjemahan: Dan telah berpendapat pimpinan Salaf pada menahan dari mentakwil dan membiarkan secara zahir sebagaimana sumber asalnya dan menyerahkan makna-maknanya kepada Rabb Ta'ala. Dan (manhaj) yang kami redai sebagai pendapat dan yang kami anuti tentang Allah secara akal: mengikuti (sebagaimana) golongan Salaf.

Manakala takrif kedua pula diutarakan oleh generasi kedua Asha‘irah di antara tahun 500H sehingga ke hari ini, seperti yang diutarakan oleh al-Raziy (1986):

يجب القطع فيها (المتشابهات) بأن مراد الله تعالى منها شيء غير ظواهرها، ثم يجب تفويض معناها إلى الله تعالى، ولا يجوز الخوض في تفسيرها.

Terjemahan: Mesti diputuskan mengenainya (ayat *mutasyabihat*) bahawa maksud Allah Ta‘ala dalam ayat tersebut adalah sesuatu yang bukan sebagaimana zahirnya, kemudian mesti menyerahkan maknanya kepada Allah Ta‘ala, dan tidak perlu perincian dalam tafsirannya.

Rumusannya dapat difahami bahawa takrif pertama mengakui makna zahir nas sifat, dan makna selanjutnya seperti takwil perlu diserahkan kepada Allah. Takrif ini adalah yang dipegangi oleh tokoh ulama besar dalam Asha‘irah seperti Abūal-Hasanal-Ash‘ariy sendiri, dan juga pendokongnya seperti al-Bāqillāniy, al-Bayhaqiy, AbūYa‘lā dan al-Juwainiy (Yaacob, 2020). Sedang takrif kedua pula menetapkan bahawa makna zahir nas sifat itu sebenarnya bukan yang dimaksudkan, kerana hakikat maknanya itu dari awal lagi adalah tanpa takwil dan isbat yang hanya perlu diserahkan kepada Allah semata-mata. Perspektif *Salafiyah* pula ialah menolak takrif kedua, dengan menerima takrif pertama yang berkonseptan *tafwid* kaifiat, yang bukannya *tafwid* makna.

iv. Al-Khalaf

Khalaf pula merujuk kepada period masa sesudah berakhirnya period Salaf. Ini bererti period masa Khalaf bermula pada awal tahun 300 Hijrah. Ia juga merangkumi zaman generasi pertama dan kedua Ahlal-Tafwid.

v. *Asha‘irah*

Aliran ini dinisbahkan kepada Abu al-Hasan al-Ash‘ariy (260-324H) yang muncul pada awal kurun ke-4H. Beliau dilahirkan di Basrah dan membesar dengan pemikiran Mu‘tazilah, sehingga gurunya Abu ‘Aliyal-Jubba’iy melantiknya sebagai tutor dalam pengajaran ajaran aliran Mu‘tazilah. Namun akhirnya beliau meninggalkan aliran Mu‘tazilah dan mendampingi aliran Ahlal-Hadith, sehingga penentangannya terhadap ajaran Mu‘tazilah telah menjadi asas bagi penubuhan sekolah Asha‘irah sebagaimana yang dimaklumi pada hari ini (Abu Zahrah, t.t.; al-Maghribiy, 1986).

Aliran Asha‘irah terbahagi kepada dua golongan, pertamanya generasi selepas kurun ke-3H, dan keduanya ialah generasi selepas tahun 500H (al-

Bayjuriy, t.t.). Kelahiran generasi pertama Asha‘irah ini bermula dengan perjuangan Abu al-Hasan al-Ash‘ariy yang mempertahankan akidah Islam daripada pemahaman salah Mu‘tazilah dan aliran akidah salah yang lain. Pendekatan Abu al-Hasan al-Ash‘ariy yang seiras dengan aliran Kullabiyyah, telah disebarluaskan oleh para pengikutnya yang datang selepas itu. Di antaranya ialah Baqillani, Baghdadi, Bayhaqi, dan Juwayni.

Generasi kedua Asha‘irah iaitu yang muncul selepas tahun 500H pula adalah di antaranya; Ghazali (450-505H), Fakral-Din al-Razi (544-606H), ‘Izzal-Din bin ‘Abdal-Salam (577-660H), Ibn ‘Asakir, Abu al-Hasan al-Amidi (m.631), Badral-Din bin Jama‘ah (m.733), Nasir al-Din al-Baydawi (m.685), ‘Adudal-Din al-Iji (m.756), dan Abu ‘Aliyal-Sukuni (m.717). Beza pada identiti dua generasi *Asha‘irah* ini ialah apabila kebanyakan para tokoh generasi pertama mereka telah mengisyiharkan diri berpegang dengan manhaj Salaf pada penghujung usia mereka, sedang generasi kedua *Asha‘irah* tetap konsisten dengan aliran *al-Khalaf*.

vi. Maturidiyyah

Aliran ini dinisbahkan kepada Abu Mansur al-Maturidiy (m. 332H). Namanya sebenar ialah Muhammad bin Muhammad bin Mahmud, yang tersohor dengan Abu Mansur al-Maturidiy (al-Maghribiy, 1986). Dilahirkan di Maturid iaitu satu penempatan dalam kawasan Samarkand. Tahun kelahirannya tidak diketahui, namun ia dianggarkan pada pertengahan kurun ke 3 Hijrah. Beliau bermazhab Hanafiy, dan dikatakan berpegang dengan prinsip-prinsip akidah Imam Abu Hanifah (Abu Zahrah, t.t.).

Oleh kerana musuh debatnya juga sama dengan Abu Hasan al-Ash‘ariy, maka metode akidah mereka berdua dalam ilmu kalam tidak jauh beza, dengan anggaran perbezaan pendapat sekitar sepuluh permasalahan sahaja. Walaupun demikian, Muhammad Abu Zahrah(t.t.) membuat analogi bahawa kalau kedudukan manhaj akidah aliran Asha‘irah ialah di antara Ahlal-Hadith dan Mu‘tazilah, maka kedudukan aliran Maturidiyyah pula ialah di antara Asha‘irah dan Mu‘tazilah. Ia menjelaskan bahawa kadar penggunaan akal oleh aliran Maturidiyyah dalam ilmu kalam adalah lebih besar berbanding aliran Asha‘irah.

4.6 Penilaian Terhadap Aliran Dalam Ahli Sunnah wal Jamaah di Malaysia

Al-Safarini telah mengkategorikan Ahli Sunnah wal Jamaah kepada tiga golongan iaitu Athariyyah pimpinan Ahmad bin Hanbal, Asha‘irah dan Maturidiyyah (al-Syatti, 1931). Pandangan daripada seorang ulama besar iaitu al-Wasiti juga cuba mendekatkan perbezaan aliran yang ada di antara *Salafiyyah* dan *Khalaf*, termasuklah pendirian Hasan al-Banna sebagaimana yang disebutkan oleh al-Qaradawi (2005). Justeru itu Majlis Fatwa

Kebangsaan memutuskan bahawa golongan Asha'irah dan Maturidyyah adalah aliran Ahli Sunnah wal Jamaah yang utama di Malaysia, di samping mengakui *Salafiyah* juga adalah daripada Ahli Sunnah, yang tidak boleh dihukumkan sebagai sesat. Ketetapan rasmi pada menentukan rujukan akidah di Malaysia ini bertujuan mengelakkan perbalahan dan pertikaian pendapat antara aliran dominan *Asha'irah* di Malaysia dengan *Salafiyah* (Aizam, 2015).

Abdul Shukor Husin (1998) menyebutkan antara ciri Ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan yang benar-benar beriltizam kepada Quran dan Sunnah, beriman dengan mudahnya kepada perkara ghaib, ketuhanan, kenabian, hari akhirat, dan menghayati cara hidup, budaya berfikir dan bermasyarakat seperti yang telah ditentukan oleh Islam. Keimanan dan keyakinan mereka juga sangat tinggi terhadap kesempurnaan Islam bukan sahaja dilihat dari aspek kerohanian malah Islam merupakan sistem yang dapat mengatur dan menyusun urusan keduniaan. Di samping itu satu aspek yang sangat penting bagi Ahli Sunnah wal Jamaah ialah penerimaan dan keyakinan penuh mereka kepada Nabi SAW dalam menyampaikan ajaran Islam dan mendidik penganutnya. Mereka percaya bahawa Nabi SAW telah menyampai dan menerangkan keseluruhan ajaran Islam terutamanya yang berkaitan akidah. Dan ciri-ciri inilah yang secara universalnya adalah dipegangi oleh *Salafiyah*, *Asha'irah* dan *Maturidiyyah*, yang melayakkkan mereka dikategorikan sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah.

Dalam konteks Malaysia, golongan yang dilihat sebagai pendamai di antara ketiga-tiga aliran tersebut ialah pihak berkuasa seperti Majlis Fatwa Kebangsaan dan JAKIM, di samping sebilangan umat Islam yang melihat kesatuan umat Islam adalah perlu diutamakan daripada membesar-besarkan perselisihan berkaitan topik sifat *khabariyyah* ini.

Keterbukaan metode dan sikap toleransi antara aliran yang ada dalam Ahli Sunnah wal Jamaah sangat diperlukan demi menjamin kesatuan umat Islam yang sebenar. Pertikaian pendapat yang sentiasa berlangsung mengenai isu sifat *khabariyyah* ini hanya makin menjauahkan umat Islam daripada kesatuan agama yang dituntut oleh Islam. Situasi ini akan membuka peluang yang luas bagi musuh-musuh umat Islam untuk mengambil kesempatan dan manfaat terhadap percakaran sebegini. Justeru, kesedaran akidah sebagai asas penyatuan ummah perlu disemarakkan agar umat Islam dapat kembali menjadi satu umat yang disegani seperti yang telah berlaku dalam zaman kepimpinan dunia oleh tamadun Islam sebelum ini.

Implikasi dapatan kajian mampu mengharmonikan pihak-pihak yang berselisih pendapat tentang sifat *khabariyyah*. Diharapkan penulisan artikel ini dapat memberikan sumbangan kesedaran terhadap usaha meminimumkan perselisihan pendapat antara aliran-aliran akidah yang sahih dalam kalangan umat Islam hari ini.

5. Kesimpulan

Sifat *khabariyyah* Allah SWT merupakan satu isu yang telah diperselisihkan oleh umat Islam sekitar lama sehingga melahirkan aliran akidah seperti Asha'irah, Maturidiyyah, Karramiyyah, Muktazilah, Mushabbihah dan lain-lain lagi. Namun aliran tersebut dapat dibahagikan kepada aliran yang salah dan aliran yang sahih yang lebih dikenali dengan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Senarai aliran yang dikategorikan sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah ialah *Salafiyyah*, *Asha'irah* dan *Maturidiyyah*. Perbezaan pendapat masih timbul mengenai kedudukan *Salafiyyah* sebagai mewakili Salaf, di samping kedudukan *Asha'irah* dan *Maturidiyyah* sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah. Dalam pertikaian menentukan keahlian sebenar dalam Ahli Sunnah wal Jamaah, masih ada segelintir ulama Islam yang melihat perbezaan aliran antara *Salafiyyah*, *Asha'irah* dan *Maturidiyyah* tetapi tidak mengeluarkan mereka daripadanya. Perbezaan yang ada hanyalah sekadar zahir sahaja, sedang hakikatnya adalah menyenaraikan mereka sebagai aliran Ahli Sunnah wal Jamaah yang berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah.

Rujukan

- 'Id 'Abbasi (t.t), *Al-Da'wah-Salafiyyah wa Mawqifuha min al-Harakat al-Ukhra*, Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Abdul Shukor Haji Husin Ed. (1991), *Istilah Usuluddin Dan Falsafah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, M., & Zainol, A. N. (2011). Ayat Sifat Menurut Tafsiran Fakhr Al-Din Al-Razi Dalam Karyanya Tafsir Al-Kabir. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 1(1), 88-106.
- Abu Zahrah, M. (t.t.), *Tarikh al-Madhahibal-Islamiyyah; Fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, al-Qaherah: Dar al-Fikral-'Arabi.
- Al-Baghuddi, 'Abdal-Qahir bin Tahir bin Muhammad (1997), *Al-Farq Baynal Firaq*, ta'liq: Ibrahim Ramadan, c. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Bayhaqi, Abu Bakr bin al-Husayn bin 'Aliy (2004), *Al-Asma' wa al-Sifat*, tahq: Nasir bin al-Najjar al-Dimiyatiy, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- Al-Bayjuri Ibrahim (t.t.), *Tuhfah al-Murid 'alaJawharahal-Tawhid*, Fataniy: Matba'ah bin Halabi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (1998), *Sahih al-Bukhariy*, susunan: Abu Suhaybal-Karmiy, Riyad: Baytal-Afkaral-Dawliyyah.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1982), *Kubra al-Yaqiniyyatal-Kawniyyah*, c. 8, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy (1988), *Al-Salafiyyah; Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhhab Islami*, Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Hajjaj, Muslim (1998), *Sahih Muslim*, susunan: Abu Suhaybal-Karmiy, Riyad: Baytal-Afkaral-Dawliyyah.
- Al-Juwayni, Abu al-Ma'aliy 'Abdal-Malik bin 'Abd Allah (1992). *Al-'Aqidah al-Nizamiyyahfial-Arkan al-Islamiyyah*. Tahqiq: Muhammad Zahid al-Kawthariy, al-Jami' al-Azhar: al-Maktabahal-Azhariyyah li al-Turath.

- Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad (1934), *Ma'alimal-Sunan*, tashih: Muhammad Raghib al-Tabbakh, juz. 4, Halab: Matba'ahal-'Ilmiyyah.
- Al-Maghribi, 'Aliy 'Abdal-Fattah (1986), *Al-Firaqal-Kalamiyahal-Islamiyyah; Madkhal wa Dirasah*, 'Abidin: Maktabah Wahbah
- Al-Nawawi, Muhyal-Din (1997), *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim*. Tahqiq: Khalil Ma'munShiha, c. 4, juz. 16, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2005), *Fusulfial-'Aqidah Baynal-Salaf wa al-Khalaf*, al-Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Razi, Fakhal-Din (1986). *Asas al-Taqdus*. Tahqiq: Ahmad Hijazial-Saqa, Qaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Al-Sawi, Ahmad bin Muhammad al-Malikiy (1999), *Kitab Sharh al-Sawi 'ala Jawharah al-Tawhid*, tahq: 'Abd al-Fattah al-Bazam, c. 2, Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din 'Abdal-Rahman (1987), *Al-Itqanfi 'Ulumal-Qur'an*, Ta'liq: Mustafa Dibal-Bugha, juz. 1, Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Al-Sijistani, Sulaiman bin al-Ash'ath (1999). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Baytal-Afkar al-Dawliyyah.
- Al-Syatti, Hasan (1931). *Mukhtasar Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyyah*. Damsyik: Matba'ah al-Tarqi.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabariy; Jami' al-Bayan 'anTa'wilAyial-Qur'an*. Tahqiq: 'Abd Allah bin 'Abdal-Muhsin al-Turkiy, juz. 5, Kaherah: Dar Hijr.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa (1999). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Baytal-Afkar al-Dawliyyah.
- Husin, A. S. (1998). Ahli sunah waljamaah: pemahaman semula. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad (2004), *Majmu' Fatawa*, susunan: 'Abdal-Rahman bin Muhammad bin Qasim dan Muhammad bin 'Abdal-Rahman, Madinah Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ahal-Mushafal-Sharif.
- Jawhari, M. R. M. (2004). *'Aqidatuna*. Kaherah: Jami'ah al-Azhar.
- Johari Mat (2006), Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah: Satu Pengenalan, dalam; *Ahli Sunnah Wal Jamaah Arus Perdana*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn Bhd, h. 18-24.
- Mas'od, M. A. (2013). Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia. Jabatan Kemajuan Agama Islam. Pustaka Negara Malaysia: Putrajaya.
- ShawqiyDif (Ed.) (2004), *Al-Mu'jamal-Wasit*, c. 4, al-Qaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Wahab, M. R., & Omar, S. H. S. (2014). Persoalan Mutashābihāt mengenai Istiwā'. *Jurnal Usuluddin*, 39, 33-70.
- Yaacob, M. N. (2020). Metode akidah Ḥasanal-Bannā terhadap sifat khabariyyah Allah SWT: Ḥasanal-Bannā's faith method for Allah's khabariyyah attributes. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 335-346.